



**PAMERAN
KARYA
SENI
VISUAL
STPM
2011**



**KELESTARIAN
DAN
KERELEVANAN
SENI VISUAL
DALAM
ERA KEMAJUAN**

Kompilasi
**KARYA
ESEI**

Isi Kandungan

- 5 *Pengenalan*
- 9 - 12 *Apresiasi Seni Visual*
- 13 - 16 *Seni Visual STPM : Matlamat, Pendekatan dan Prospek*
- 17 - 21 *Lukisan Dalam Konteks Seni Visual 970 STPM - Sebagai Media Komunikasi Berkesan (Lukisan Pengkaryaan dan Lukisan Perekaan)*
- 23 - 29 *Penghasilan Seni: Keperihalan Ringkas Teori dan Amalan dalam Konteks Penilaian Seni Visual STPM*
- 31 - 33 *Penggunaan Pendekatan Sejarah dan Kritikan Seni dalam Mengkaji Karya-karya Seni*
- 35 - 39 *Bahasa Seni Visual*
- 41 - 43 *Multimedia : Peranan Multimedia Pada Masa Kini*
- 45 - 47 *Seni Dalam Konteks: Signifikan Aspek Kontekstual Dalam Pendidikan Seni Melalui Teori & Kritikan Seni*
- 49 - 55 *Seni kraf dan Perkaitannya dengan Pendidikan di Malaysia*
- 57 - 61 *Lakaran : Satu Medium Terjemahan Imej Mental*
- 63 - 65 *Persepsi : Permulaan dalam Penghasilan Karya*
- 67 - 68 *Pengumpulan Maklumat Karya dalam Konteks Kritikan Seni*
- 69 - 73 *Komunikasi Visual : Rekabentuk Grafik*
- 75 - 82 *Pengenalan Majlis Peperiksaan Malaysia dan Prestasi Seni Visual Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia*
- 83 - 89 *Lakaran dalam Senireka Perindustrian*
- 91 - 94 *Seni Tekstil*

Dr. Sarena Abdullah
Pusat Pengajian Seni,
Universiti Sains Malaysia



Penggunaan Pendekatan Sejarah dan Kritikan Seni dalam Mengkaji Karya-karya Seni

Sejarah Seni sebenarnya suatu bidang yang boleh dikatakan mencakupi sejarah manusia daripada zaman prasejarah dengan lukisan-lukisan gua zaman Paleolitik di Cosquer, Perancis hinggalah ke abad dua puluh satu kini, dengan terhasilnya pelbagai karya kontemporari yang menjangkau sempadan negara yang menggunakan pelbagai media elektronik dan juga internet. Daripada lukisan-lukisan gua, ke catan fresco di Itali pada zaman Renaissance, seramik-seramik Cina semasa Dinasti Sung ke karya-karya kontemporari Asia, seni halus khususnya adalah satu bentuk pengkaryaan yang sentiasa mencabar minda kreatif penciptanya sendiri dan menjadi sumber inspirasi kepada mereka yang meminati karya tersebut bukan sahaja dalam konteks menghayati bentuk-bentuk yang indah tetapi lebih-lebih lagi dalam ingin memahami maksud seni yang sentiasa berubah-ubah mengikut zaman.

Dalam mengkaji karya seni, tahap yang paling mudah pemahamannya adalah membuat apresiasi karya, ini diikuti dengan membuat kritikan seni dan akhirnya membuat kajian Sejarah Seni. Walaupun pada dasarnya pendekatan ketiga-tiga aspek ini adalah hampir sama, tetapi terdapat sedikit perbezaan daripada segi pendekatan. Walau bagaimanapun, dalam esai ini saya akan bincangkan pendekatan Sejarah Seni dan kritikan seni secara umum. Ingin dinyatakan disini daripada segi disiplin akademik, bidang Sejarah Seni adalah satu disiplin khusus tetapi kritikan seni masih tidak dianggap sebagai satu disiplin yang bersifat akademik. Walau bagaimanapun, fungsi kritikan seni adalah penting kerana

penulisan dalam bentuk kritikan tersebut menjadi penghubung ilmu diantara mereka yang mahir dalam bidang seni dengan pembaca atau peminat seni yang lebih umum.

Secara umum, Sejarah Seni adalah satu disiplin yang mengkaji objek atau karya seni, aspek pengkaryaan dan perekaan dalam konteks kronologi, masa, stail dan gerakan dalam catan, arca, senibina hinggalah ke bentuk-bentuk seni lain termasuk seramik, perabot, kraf, barang hiasan dan lain-lain. Kritikan seni pula lebih tertumpu kepada kritikan estetika dan mengkaji teori keindahan dengan tujuan untuk mencari asas-asas rasional dalam membuat apresiasi seni. Walau bagaimanapun, pelbagai gerakan seni di Barat khususnya telah menghasilkan pelbagai bentuk kritikan seni yang menggunakan kriteria yang berbeza-beza dan dalam konteks penulisan. Namun begitu, dalam konteks esai yang terhad ini saya akan bincangkan bagaimana pendekatan Sejarah Seni dan kritikan seni dapat membantu kita dalam memahami karya dengan lebih baik.

Sebenarnya sama ada dalam bidang Sejarah Seni, membuat kritikan seni ataupun membuat apresiasi karya, pemahaman terhadap elemen-elemen visual seperti garisan, bentuk, nilai warna atau tona, warna, tekstur, ruang, masa dan juga pergerakan dan prinsip-prinsip rekabentuk seperti kesatuan dan kepelbagaian, emphasis dan titik fokus, keseimbangan dan ritma, serta skala dan kadar banding adalah elemen-elemen formal yang penting asasnya dan sering dirujuk. Walaupun bidang Sejarah Seni, lebih mengkhusus

kepada kajian stail dan gerakan, elemen dan prinsip asas tersebut masih dirujuk sebagai asas dalam membuat kajian sejarah. Begitu juga dalam membuat kritikan seni kerana untuk memahami, menghargai, mengkritik dan menulis tentang seni, kita perlulah arif berbicara menggunakan istilah-istilah bahasa visual tersebut. Jika tidak penilaian karya mungkin tidak jelas dan kritikan kita yang dilahirkan dalam bentuk penulisan akan gagal dalam menyampaikan maksud dan penjelasan tentang karya yang dikaji.

Dalam membuat kajian Sejarah Seni dan kritikan seni kita harus mengambil beberapa langkah asas yang melibatkan penulisan gambaran atau deskripsi, analisis, interpretasi dan pertimbangan atau penilaian karya. Untuk memudahkan proses tersebut, kita mulakan dengan pengkategorian karya sama ada karya tersebut bersifat still life, lanskap, potret, ikonografi, skrip iluminasi, flora, arkitektur, dan lain-lain. Kenal pasti dan ulas tentang elemen-elemen visual seperti bentuk, warna, tona, tekstur, ilusi bentuk, ruang and gerakan – yang jelas ataupun tidak. Perbincangan mestilah dibuat secara terperinci contohnya dalam membincangkan variasi warna, unsur-unsur garisan serta tekstur sama ada tekstur yang boleh disentuh atau dirasa secara fizikal atau tekstur secara visual sahaja.

Kedua, kita perlu membincangkan bagaimana elemen-elemen visual tersebut disusun atau diatur - simetri atau tidak? Apakah warna, bentuk, atau tekstur yang dominan? Adakah dominasi tersebut disebabkan oleh prinsip rekabentuk seperti pengulangan atau menggunakan skala banding yang sesuai? Bagaimana pula dgn aspek pergerakan yang digambarkan adakah ia jelas atau tidak? Bersifat gradasi atau transisi? Adakah nilai-nilai kontra adalah jelas atau dibuat secara halus?

Ketiga, interpretasi atau tafsiran karya perlu dibuat berdasarkan elemen-elemen atau kualiti-kualiti formal dalam karya seni seperti yang dibincangkan tadi. Persoalan yang perlu dikupas disini adakah, emosi atau perasaan yang dapat dihayati oleh penonton adalah jelas berdasarkan pada apa yang dilihat dan diperhatikan dengan teliti pada karya tersebut? Contohnya,

Jika kita mengatakan bahawa karya Mohd Hoessein Enas yang bertajuk "Admonition" (1959) yang menggambarkan seorang gadis yang sedang kesedihan dan mengalirkan air mata adalah sebuah karya yang mengguris jiwa, adakah elemen-elemen visual dalam karya tersebut menggambarkan kesedihan tersebut? Jika kita mengatakan bahawa karya Yeoh Jin Leng yang bertajuk "Rice Fields, Trenggan" (1963) membawa emosi yang tenang dan damai pada diri, apakah elemen-elemen seni visual dan prinsip-prinsip rekabentuk yang digunakan oleh seniman dalam karya tersebut yang berjaya membangkitkan rasa damai dalam jiwa ketika melihat karya tersebut? Walau bagaimanapun dalam membuat interpretasi, jangan biarkan pertimbangan atau penilaian kita dipengaruhi oleh seniman, stail, gerakan atau media yang kita minati. Dikhuatiri ini secara tidak langsung dapat mempengaruhi kita membuat penilaian sama ada suka atau tidak terhadap karya yang dianalisa tersebut.

Akhir sekali, untuk membuat kritikan sama ada kita suka ataupun tidak, kita mesti membuat pertimbangan atau penilaian yang saksama. Sebelum sesuatu penilaian dapat dibuat, tindak balas perasaan kita terhadap karya seni tersebut hendaklah telah dikenalpasti dengan lebih awal. Walau bagaimanapun, penilaian karya seni tidaklah harus dibuat secara berasingan kriterianya kerana selalunya pendekatan Sejarah Seni atau kritikan seni yang akan membentuk penilaian tersebut secara umumnya. Sebagai contoh, jika kita mengatakan bahawa Zulkiflin Dahlan yang bertajuk "A Separate Reality" (1975) sebagai sebuah karya agung atau masterpiece, persoalannya adalah apakah asas kepada penilaian tersebut? Adakah karya tersebut telah dibandingkan dengan karya-karya lain yang sezaman atau segerakan dengannya? Atau adakah karya tersebut menghasilkan reaksi dan kesan yang mendalam sehingga kita mengklasifikasikan karya itu agung? Membuat penilaian secara bandingan memerlukan kita mempunyai pengetahuan tentang karya yang dibandingkan dengan karya-karya lain mengikut kriteria-kriteria yang tertentu, seperti stail atau gerakan

seni yang terlibat dan aspek ini juga berbeza mengikut masa dan/atau konteks budaya dan sejarah penghasilan karya tersebut.

Begitulah secara umum, asas-asas membuat penilaian dalam bidang Sejarah Seni dan kritikan seni, walau bagaimana pengetahuan tentang pendekatan tersebut tidaklah membawa makna apa-apa jika kita tidak mengetahui akan kepentingan mengkaji karya-karya seni. Kajian karya seni penting kerana ialah memberikan kita gambaran visual tentang budaya, aktiviti dan cara hidup pada zaman dan tempat kajian. Contohnya karya seni pasu yang dihasilkan pada zaman Greek sebenarnya dihias dengan gambar cerita-cerita keagamaan pada zaman tersebut dan senibina zaman Roman melambangkan struktur pemerintahan dan budaya masyarakat pada ketika itu. Bentuk seni pramoden di Asia Tenggara pula banyak dipengaruhi oleh kepercayaan keagamaan Buddha, Hindu dan Islam. Ini menjelaskan betapa berpengaruhnya agama dalam sesebuah masyarakat itu. Kedua, kita juga dapat mempelajari elemen-elemen visual dan prinsip-prinsip rekabentuk yang digunakan dalam sesebuah karya. Misalnya, bagaimana seniman menggunakan elemen-elemen dan prinsip-prinsip tersebut untuk menghasilkan satu karya yang berkesan serta mendatangkan kesan kepada orang yang melihatnya. Dengan belajar dan memahami bahasa seni yang digunakan kita juga dapat mengajar diri melihat dan membuat penilaian karya dengan kacamata, zaman dan konteks yang berbeza. Akhir sekali, kita dapat menikmati sesebuah karya dengan lahap yang lebih baik tidak kisah sama ada tindak balas yang dirasai adalah suka, duka, takut, terkejut dan lain-lain. Perasaan-perasaan yang dihasilkan sewaktu melihat karya tersebutlah yang memberikan makna yang mendalam dalam proses kita menghayati sesebuah karya.